

TARIKH	16 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	23	RUANGAN	Bln Negri

4,000 jemaah haji dilengkapi kit kebersihan Antabax

PETALING JAYA 15 Okt. - Sebanyak 4,000 jemaah haji bagi enam penerbangan terakhir ke tanah suci bermula esok sehingga 19 Oktober ini, bakal dilengkapi dengan kit kebersihan Antabax kegunaan persendirian secara percuma.

Tajaan kit bagi penerbangan KT100 hingga KT106 itu merupakan hasil kerjasama antara Lam Soon Edible Oils Sdn. Bhd. dengan Lembaga Tabung Haji Malaysia dalam usaha memberikan kesesuaian dari segi kebersihan kepada jemaah haji.

Pengurus Besar Bahagian Pemasaran Isirumah dan Penjagaan Diri, Lam Soon Edible Oils Sdn. Bhd., Francis Ng berkata, sudah menjadi tanggungjawab sosial syarikatnya untuk membantu masyarakat dalam menjaga kebersihan diri.

"Jemaah terlibat akan menerima kit yang mengandungi satu

sabun buku Antabax, cecair sanitasi tangan segera Antabax (50ml) dan satu pek tisu pembasih Antibakteria Antabax.

"Saya percaya sumbangan ini dapat memudahkan jemaah menjaga kebersihan diri dan memastikan kesihatan mereka berada pada tahap terbaik ketika menuaikan ibadat di Mekah," katanya ketika berucap dalam majlis pernyerahan produk berkenaan di Kompleks Tabung Haji Kelana Jaya, di sini hari ini.

Turut hadir dan juga wakil penenerima ialah Pengurus Besar Kannan Pengurusan Hartanah dan Pentadbiran Tabung Haji, Abdul Halim Md. Jamil.

Produk jenama Antabax merupakan produk kebersihan yang selamat digunakan, diperakui halal dan mendapat pengiktirafan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).



FRANCIS Ng (kiri) menyerahkan produk kebersihan Antabax kepada Abdul Halim Md Jamil di Kompleks Haji, Kelana Jaya, Petaling Jaya, semalam.